

# UNISSA kelolakan Khatam Al-Quran dalam talian

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena selesainya pembacaan 30 Juz Al-Quran sepanjang bulan Ramadan.

Majlis pada tahun ini dijalankan menggunakan platform dalam talian sebagai menyahut seruan kerajaan bagi mengelakkan penularan pandemik COVID-19.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfah bin Haji Zainal yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatiyah.

Bacaan Khatam dipimpin oleh Yang Di-Pertua MPP, Muhammad Hanafi bin Rosli, dan disusuli dengan Bacaan Takhim dan Doa Khatam Al-Quran yang diketuai oleh Ketua Unit Keugamaan dan Kerohanian MPP, Awang Muhammad Najihuddin bin Nooralizam.

Rektor UNISSA, dalam ucapannya, antara lain mengucapkan tahniah kepada

MPP kerana berjaya mengungkayahkan majlis tersebut dan juga program-program yang lain pada bulan Ramadan ini.

Dalam suasana kehidupan yang masih dalam keadaan berwaspada akibat wabak COVID-19, perkembangan ini tidak menghalang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan sebagaimana yang dilakukan setiap tahun.

Di samping itu, beliau juga berdoa dengan penuh harapan dengan mengambil sukut baik dan berkat bulan Ramadan Al-Mubarak ini, semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat dan keberkatan untuk Negara Brunei Darussalam dan mengangkat wabak COVID-19 dari muka bumi ini dalam waktu yang terdekat ini.

Manakala dalam ucapan alu-aluan, Yang Di-Pertua MPP mengatakan bawahan walaupun dengan adanya COVID-19 pada masa ini, ia bukan sesuatu halangan untuk mengimarahkan bulan Ramadan, malah beberapa aktiviti diungkayahkan sebelumnya melalui Program Ihya Ramadan dalam talian dan juga Ramadan



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran menggunakan platform dalam talian sebagai menyahut seruan kerajaan bagi mengelakkan penularan pandemik COVID-19.

Food Drive.

Lebih kurang 80 orang menyertai Majlis Khatam UNISSA yang

diungkayahkan oleh MPP Sesi 2019 / 2020 melalui aplikasi Zoom.

Turut hadir ialah Pemangku

Timbalan Rektor, Pegawai-pegawai Utama dan beberapa orang mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

## Pekerja Huo Ho terima Sijil Penghargaan Masyarakat



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mei. - Seorang pekerja Huo Ho Minimart Gadong hari ini menerima Sijil Penghargaan Masyarakat dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Cawangan Operasi 'A' dalam membantu memadamkan kebakaran di bahagian enjin sebuah kereta yang dimiliki oleh seorang lelaki warga tempatan yang berlaku pada 13 Mei 2020, jam 10.12 malam.

Tindakan pantas Alvin Sido Alcantara, warga Filipina tersebut

PEGAWAI Pemerintah Cawangan Operasi 'A', Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Awang Noor Aflan bin Awang Kachi menyampaikan Sijil Penghargaan Masyarakat kepada Alvin Sido Alcantara.

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

berjaya memadamkan kebakaran daripada merebak dengan menggunakan satu biji alat pemadam api jenis debu kering 2.5kg kepunyaan Hua Ho Minimart Gadong dan terus menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 bagi tindakan selanjutnya.

Sijil tersebut disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'A', Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Awang Noor Aflan bin Awang Kachi, juga hadir, Pegawai Balai Pengiran Haji Muhamad bin Pengiran Tengah selaku Pegawai Perhubungan Awam Operasi 'A', dan Penolong Pegawai Balai, Awang Rustam Efandi bin Haji Metusin.

Pada kesempatan ini, JBP turut menasihatkan agar pengguna

sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dan selamat secara keseluruhan sebelum digunakan, memastikan tiada sebarang kebocoran pada pam yang boleh memudahkan pengaliran cecair mudah terbakar pada enjin blok yang panas atau sistem elektrik.

Selain itu, memastikan mana-mana pengubahsuai atau penambahan sistem elektrik enjin dan aksesori kereta serta pendawaian hendaklah mengikut piawaian yang betul oleh mekanik yang bertauliah.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.



# ALAI PINTAR

SOALAN 026

**SOALAN 20 MEI 2020, RABU**

Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan.

1. Siapakah Sultan Brunei yang ke-29?  
a) Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
b) Sultan Abdul Jalilul Akbar  
c) Sultan Ahmad Tajuddin
2. Amalan berdoa merupakan amalan .....boleh membawa keberkatan dalam hidup.  
a) Redha  
b) Mulia  
c) Hidup
3. Orang yang berjaya adalah orang yang .....menggunakan masa.  
a) Malas  
b) Tepat  
c) Bijak

**TARIKH TUTUP : 3 JUN 2020.**

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

### PEMENANG ALAI PINTAR 025 :

Nama : Mohd. Afiq Aniq Md. Mardi Mirza  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0105368-01. Sekolah : Sekolah Rendah Datu Ratna Kiarong

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....  
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 021

1. b) berdisiplin  
2. b) Ilmu Pengetahuan  
3. a) ketenteraman